

# Seleweng: Kerajaan Sabah rugi RM4 bilion

Ⓢ.

KOTA KINABALU, Sela-  
sa - Kerajaan Sabah keru-  
gian di antara RM3 bilion  
dan RM4 bilion, beriku-  
tan penyelewengan ber-  
hubung pengambilalihan  
tanah, pembahagian ka-  
wasan balak dan penge-  
luaran lesen pada masa  
lalu, kata Datuk Seri Dr  
Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri ber-  
kata, kajian Kerajaan Pu-  
sat mendapati jumlah itu  
lesap hasil ketiga-tiga  
proses berkenaan yang  
dilakukan tanpa asas  
yang kukuh.

"Saya dapati rakyat Sa-  
bah tertipu sebab setakat  
ini yang kita buat kajian,  
kira-kira RM3,000 juta  
hingga RM4,000 juta su-  
dah lesap begitu saja.

"Sebab itu kita hendak  
tahu apa asas pengagihan  
kawasan, pengeluaran le-  
sen dan sebagainya," ka-  
tanya di sidang akhbar di  
sini, petang ini.

Perdana Menteri ber-  
kata, jumlah itu sepatut-  
nya diperolehi oleh sama  
ada Yayasan Sabah atau  
kerajaan negeri, sebalik-  
nya kerajaan negeri ke-  
tika itu mengalami keku-  
rangan wang.

"Kita dapati kerajaan  
Sabah kekurangan wang  
kerana ada pihak sudah  
lesapkan wang dan kita  
nak tahu siapa sudah  
lesapkan wang itu. Tak  
patutlah sebab itu wang  
rakyat," katanya.

Beliau berkata, apabila  
sesebuah kerajaan meng-  
ambil alih pemerintahan,  
ia mengambil alih tanah  
dan memberinya kepada  
orang lain.